

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

*Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans Kemalangan Diri Mini anda.*

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut mambacanya.

1. Apakah Insurans Kemalangan Diri Mini?

Insurans Kemalangan Diri Mini meliputi:

- Kematian atau hilang upaya kekal yang disebabkan oleh kemalangan
- Elaun perkabungan untuk kematian yang disebabkan oleh kemalangan
- Elaun bantuan banjir jika rumah anda dinaiki air
- Pendapatan Hospital harian jika anda dimasukkan ke hospital akibat kecederaan akibat kemalangan, Demam Denggi, Malaria, Chikungunya, Ensefalitis Jepun (JE) atau Virus Zika

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium RM 70.00 (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) setiap tahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Polisi/sijil ini meliputi:	Polisi/sijil ini tidak termasuk:
<ul style="list-style-type: none"> • Kematian Akibat Kemalangan - RM70,000 • Hilang Upaya Kekal - RM70,000 • Elaun Perkabungan - RM500 • Elaun Bantuan Banjir - RM1,500 • Pendapatan Hospital Harian - RM120 sehari, sehingga 45 hari setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Peperangan atau risiko yang seumpamanya • Pengionan, radiasi atau pencemaran daripada radioaktif • Bunuh diri, kecederaan akibat perlakuan diri sendiri • AIDS atau penyakit kompleks berkaitan AIDS • Hamil, bersalin • keadaan fizikal atau mental yang sedia ada • Penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen penuh untuk membawa penumpang • Penyalahgunaan dadah • Aktiviti-Aktiviti Berbahaya • Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang • Perbuatan keganasan
Tempoh perlindungan insurans ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi/sijil anda setiap tahun.	
Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.	
Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Kemalangan Diri Mini anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744)
atau 603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Email kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans Kemalangan Diri Mini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard (Pelan E) :	RM70.00 (setiap tahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Rebat kurang 25% :	(RM17.50)
Cukai Perkhidmatan (8%) :	RM4.20
^Duti Setem :	RM10.00
Jumlah premium yang perlu dibayar :	RM66.70

^ Pembayaran duti setem untuk premium tahunan tidak melebihi RM 150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Walau bagaimanapun, duti setem RM 10 perlu dibayar bermula 1/1/2029.

4. Syarat dan Terma Lain

<ul style="list-style-type: none"> • Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan. • Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan anda, usaha peribadi dan sejarah perubatan. • Kelayakan - Anda mestilah seorang Warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah atau menetap di Malaysia, berumur di antara 16 hingga 65 tahun pada tarikh permohonan. • Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan bermula hanya selepas anda membayar premium. • Tempoh semakan percuma - Kami akan membayar balik premium yang telah dibayar jika anda membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari pertama selepas menerima polisi dan tidak membuat sebarang tuntutan. • Tempoh Ihsan - Tempoh ihsan selama tiga puluh (30) hari dari tarikh tamat polisi ini tersedia untuk pembaharuan polisi anda. • Premium dan terma pembaharuan mungkin berbeza-beza bergantung pada sejarah tuntutan anda dan keperluan pengunderaitan kami. • Notis Tuntutan - Anda mesti memaklumkan dan memberikan butiran tuntutan penuh kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas mengalami sebarang kemalangan, kehilangan atau kerosakan. <p>Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda pada bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda jika tiada tuntutan dibuat.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam Helaiian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 11 September 2025.